

## **GARIS PANDUAN PENERBITAN DI BAWAH AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984 [AKTA 301]**

---

### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan untuk memberi penerangan dan penjelasan berkenaan **hasil penerbitan tak diingini** yang digariskan di bawah Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 [Akta 301] seperti yang berikut :
  - 1.1.1 memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam;
  - 1.1.2 memudaratkan atau mungkin memudaratkan kemoralan;
  - 1.1.3 memudaratkan atau mungkin memudaratkan keselamatan;
  - 1.1.4 mungkin menggemparkan fikiran orang ramai;
  - 1.1.5 berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang;
  - 1.1.6 memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam; dan
  - 1.1.7 memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan Negara.
- 1.2 Ia juga bertujuan mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul mengenai apa yang tidak dibenarkan untuk disiarkan di dalam sesebuah penerbitan.

### **2.0 TAKRIF ISTILAH**

- 2.1 Seksyen 2 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] mentakrifkan seperti yang berikut:

#### **2.1.1 Penerbitan termasuklah –**

- (a) dokumen, akhbar, buku dan majalah berkala;
- (b) semua bahan bertulis atau bercetak dan segala-galanya sama ada sifatnya yang serupa dengan bahan bertulis atau bercetak atau tidak mengandungi apa-apa gambaran yang boleh dilihat;

(c) apa-apa jua yang mengikut rupa, bentuknya atau dengan apa jua cara boleh membayangkan kata-kata atau idea-idea; atau

(d) rakaman suara.

### **2.1.2 Akhbar**

Ertinya apa-apa hasil penerbitan yang mengandungi berita, penerangan, laporan kejadian atau, apa-apa pendapat, pemerhatian atau ulasan, berhubungan dengan apa-apa berita, penerangan atau kejadian, atau dengan apa-apa perkara lain, yang menarik minat orang ramai, atau apa-apa majalah, komik atau bentuk majalah berkala lain yang dicetak dalam apa-apa bahasa untuk dijual atau diedarkan dengan percuma pada lat-lat tempoh yang kerap dan tak kerap, tetapi tidaklah termasuk apa-apa hasil penerbitan yang diterbitkan oleh atau untuk Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau Kerajaan Singapura.

### **2.1.3 Dokumen**

Ertinya apa-apa kertas, kad atau lain-lain bahan atau benda yang padanya ada dicetak, ditaip, ditulis atau ditandakan, huruf, angka, tanda, majalah bergambar atau apa-apa gambaran lain yang boleh dilihat dan termasuklah akhbar, buku dan risalah.

### **2.1.4 Hasil Penerbitan Tak Diingini**

Ertinya apa-apa hasil penerbitan yang mengandungi apa-apa makalah, karikatur, fotograf, laporan, nota, tulisan, bunyi, muzik, kenyataan atau apa-apa perkara lain yang mengikut apa-apa jua cara memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai atau yang berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.

### **2.1.5 Hasil Penerbitan Larangan**

Ertinya apa-apa hasil penerbitan yang telah dilarang di bawah Subseksyen (1) Seksyen 7 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] dan termasuk apa-apa salinan, penghasilan semula, cabutan atau apa-apa terjemahan, ringkasan karangan atau parafrasanya.

### **2.1.6 Rakaman Suara**

Ertinya apa-apa bahan yang padanya direkodkan suara manusia atau muzik instrumental atau lain-lain bunyi dan termasuklah piring hitam, pita dan ceper laser.

## **3.0 HASIL PENERBITAN TAK DIINGINI**

### **3.1 Hasil Penerbitan yang Memudaratkan atau Mungkin Memudaratkan Ketenteraman Awam**

- 3.1.1 Mengandungi unsur yang menggalak keganasan terhadap orang atau harta.
- 3.1.2 Menggalakkan sesuatu tindakan dan perlakuan yang membawa kepada pecah keamanan.
- 3.1.3 Menggalakkan perasaan niat jahat, perseteruan, permusuhan, kebencian dan prasangka buruk terhadap orang atau kaum lain.
- 3.1.4 Menyebarkan ajaran atau fahaman salah, menyeleweng, mengelirukan atau mempersendakan agama Islam atau lain-lain agama yang dipraktikkan di Malaysia.
- 3.1.5 Mempropaganda atau menyebarkan ajaran atau mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah, hukum dan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah.
- 3.1.6 Mempersenda atau mempersoal kewibawaan atau membuat penyelewengan ke atas sumber-sumber hukum Islam yang utama iaitu al-Quran, al-Hadith, Ijma' dan Qiyas.

### **3.2 Hasil Penerbitan yang Memudaratkan atau Mungkin Memudaratkan Kemoralan**

- 3.2.1 Mengandungi apa-apa jua perkara yang mengikut rupa, bentuk dan perlakuan atau dengan apa-apa cara yang boleh membayangkan kata-kata atau idea-idea yang lucu, mengghairahkan atau selainnya yang bertentangan dengan kesopanan awam, nilai-nilai murni, tata susila masyarakat dan pegangan agama.

### **3.3 Hasil Penerbitan yang Memudaratkan atau Mungkin Memudaratkan Keselamatan**

- 3.3.1 Penerbitan yang menimbulkan perkara sensitif termasuklah yang mengenai hak, status, kedudukan, keistimewaan yang telah dipelihara dan termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 3.3.2 Menghasut ketidakpuasan terhadap kedaulatan dan institusi beraja di Malaysia atau bertentangan dengan Rukunegara dan keselamatan negara.
- 3.3.3 Menyebarkan fahaman atau ideologi yang bertentangan dengan amalan demokrasi negara ini.
- 3.3.4 Kenyataan palsu dan salah serta memutarbelitkan kenyataan sesuatu kejadian di Malaysia sehingga boleh mengancam keselamatan negara.

### **3.4 Hasil Penerbitan yang Mungkin Menggemparkan Fikiran Orang Ramai**

- 3.4.1 Mengandungi apa-apa berita, rencana, atau maklumat yang diperbesar-besarkan, digembar-gemburkan, atau yang mengelirukan atau menimbulkan salah faham.
- 3.4.2 Penyebaran berita yang tidak berasas, cerita palsu atau yang menyalahi fakta sehingga menimbulkan kekeliruan, keraguan, kegelisahan atau ketakutan di kalangan orang ramai.

### **3.5 Hasil Penerbitan yang Berlawanan atau Mungkin Berlawanan Dengan Mana-mana Undang-undang**

- 3.5.1 Mengandungi unsur yang bertentangan dan berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan, mana-mana undang-undang Persekutuan dan Negeri yang digunapakai dan termasuklah apa-apa kaedah, peraturan dan syarat-syarat yang dibuat di bawahnya.
- 3.5.2 Mengandungi perkara-perkara yang bertentangan dengan fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

### **3.6 Hasil Penerbitan yang Memudaratkan atau Mungkin Memudaratkan Kepentingan Awam**

- 3.6.1 Mengandungi apa-apa bentuk laporan, artikel, rencana, gambar, ilustrasi atau kenyataan yang bertentangan dengan kepentingan masyarakat atau kepercayaan agama.

### **3.7 Hasil Penerbitan Yang Memudaratkan atau Mungkin Memudaratkan Kepentingan Negara**

- 3.7.1 Mengandungi unsur yang boleh memudaratkan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial.

## **4.0 PERKARA-PERKARA YANG DILARANG**

### **4.1 Penulisan atau Rencana**

- 4.1.1 Apa juga bentuk rencana yang bersifat prejudis kepada sesuatu kaum atau agama serta boleh menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam.
- 4.1.2 Isi kandungan yang menyentuh sensitiviti keagamaan, kebudayaan dan cara hidup sesuatu kaum yang lain.
- 4.1.3 Mengandungi unsur-unsur hasutan (politik, perkauman, ekonomi) yang bertentangan dengan dasar negara, menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam.
- 4.1.4 Penggunaan bahasa yang lucah, kasar dan kesat dan bahasa yang membawa maksud sedemikian termasuklah dalam lawak jenaka.
- 4.1.5 Sebarang bentuk rencana, cerita, nukilan yang menggambarkan secara jelas atau kiasan mengenai perlakuan seks.
- 4.1.6 Batasan agama dan peradaban masyarakat seperti memaparkan cerita-cerita bersekedudukan, perzinaan, homoseksual, heteroseksual, transgender, sumbang mahram, penggunaan dadah, budaya *black metal*, *punk*, *skinhead* dan seumpamanya.
- 4.1.7 Ruang soal jawab seks yang terperinci dan bukan berbentuk ilmiah kecuali dalam penerbitan khusus untuk kesihatan dan perubatan tetapi hendaklah tidak keterlaluan.
- 4.1.8 Rencana, cerita atau komik yang menganjurkan budaya samseng (*gangsterisme*) serta menonjolkan perlakuan ganas.

- 4.1.9 Cerita-cerita misteri dan mistik yang bercanggah dengan akidah Islam.
- 4.1.10 Penerbitan agama selain daripada Agama Islam dilarang menggunakan istilah-istilah khusus agama Islam iaitu **Allah, Baitullah, Solat** dan **Kaabah** kecuali bagi menerangkan istilah-istilah berkenaan.
- 4.1.11 Tulisan ayat-ayat Al-Quran di dalam penerbitan bukan agama tidak dibenarkan kecuali terjemahannya. Ayat-ayat Al-Quran juga tidak boleh diterbitkan dalam tulisan rumi.
- 4.1.12 Petikan hadis tidak mempunyai atau tanpa menyatakan sumber rujukan yang sahih.
- 4.1.13 Laporan secara terperinci berkaitan kes-kes jenayah seperti rogol, bunuh dan rompak memandangkan ianya sering tidak memberikan gambaran sebenar sesuatu kejadian.
- 4.1.14 Subseksyen 2 Seksyen 15 Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611] memperuntukkan gambar (a) mana-mana kanak-kanak yang terlibat dalam mana-mana perkara yang disebut dalam subseksyen(1); atau (b) mana-mana orang, tempat atau benda lain yang mungkin membolehkan dikenalpasti mana-mana kanak-kanak yang terlibat sedemikian tidak boleh disiarkan dalam apa-apa akhbar atau majalah atau disampaikan melalui apa-apa perantara elektronik.

## 4.2 Gambar-gambar

- 4.2.1 Gambar lelaki atau wanita yang berkeadaan seperti berikut:-
  - (a) berbogel.
  - (b) berbogel dengan menutup bahagian sulit dengan sesuatu, umpamanya tangan, daun, dihitamkan atau dikaburkan (*mosaic*) dan lain-lain.
- 4.2.2 Gambar wanita atau lelaki dalam pos-pos yang mengghairahkan dan tidak sopan. Contoh seperti yang berikut :
  - (a) wanita yang membongkokkan badan atau meniarap sehingga menampakkan sebahagian besar payudara.
  - (b) wanita yang duduk dalam keadaan kakinya terbuka luas sehingga menampakkan bahagian pangkal peha.
  - (c) wanita atau lelaki yang membuka sebahagian pakaian sehingga menampakkan anggota sulit.

- 4.2.3 Gambar wanita berpakaian nipis, jarang, berlubang-lubang atau *low cut* sehingga menampakkan bentuk badan atau anggota sulit.
- 4.2.4 Gambar lelaki, wanita ataupun berpasangan dalam pos bercumbu-cumbuan, berciuman, ghairah, berpelukan atau aksi yang membawa maksud kepada hubungan seks.
- 4.2.5 Wanita berpakaian bikini melainkan di tepi pantai atau kolam renang dan tempat yang sesuai atau dalam penerbitan berbentuk perubatan, surgery, kosmetik dan fesyen tetapi tidak keterlaluan serta bertentangan dengan kesopanan awam.
- 4.2.6 Wanita atau lelaki berpakaian *G-String* atau seluar dalam yang jelas menampakkan bentuk alat sulit tidak dibenarkan.
- 4.2.7 Gambar model yang berbogel tetapi anggotanya dilakar dengan gambar atau corak seperti tatu yang menampakkan anggota sulit.
- 4.2.8 Gambar lukisan atau ukiran kesenian yang mempamerkan tubuh berbogel kecuali tidak jelas bahagian organ seks dan yang berkaitan dengan keagamaan.
- 4.2.9 Gambar-gambar dari udara kecuali dengan kebenaran Jabatan Pemetaan.
- 4.2.10 Gambar dari udara dan gambar ruang tempat dan kawasan larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [Akta 298].
- 4.2.11 Ilustrasi (gambar, lukisan, lakaran dan seumpamanya) wajah para Nabi dan Rasul, para malaikat, Khulafa'ar-Rasyidin serta isteri para Nabi dan Rasul, dan perkara-perkara sam'iyat dan ghaibiyat.
- 4.2.12 Gambar ngeri kejadian yang benar-benar berlaku akibat kemalangan, perang atau pengeboman. Contohnya mayat tanpa kepala, anggota badan yang putus atau gambar dekat (*close-up view*) anggota badan yang cedera parah.
- 4.2.13 Bahan permainan (contohnya *jigsaw puzzle*) berbentuk lukisan atau gambar berunsur seks atau lucah atau mengandungi ayat suci Al-Quran yang boleh mencemar kesucian Al-Quran.

### 4.3 Iklan

- 4.3.1 Iklan yang menggunakan wanita dalam gaya yang mengghairahkan untuk menarik perhatian lebih daripada produk yang diiklankan.
- 4.3.2 Iklan yang jelas mengenai alat-alat bantuan seks (*sexual aids*) dalam apa jua bentuk. Namun begitu iklan seperti *breast feeding* boleh dibenarkan. Sampel alat-alat bantuan seks yang disertakan dalam apa-apa bahan penerbitan adalah tidak dibenarkan.
- 4.3.3 Iklan kondom hanya dibenarkan sekiranya dinyatakan jenama dan kegunaannya bagi tujuan kesihatan sahaja. Sampel kondom yang disertakan dalam apa-apa bahan penerbitan adalah tidak dibenarkan.
- 4.3.4 Iklan perjudian, peraduan berunsur judi, promosi dan ramalan judi tidak dibenarkan kecuali penyiaran mengenai keputusannya sahaja.
- 4.3.5 Iklan minuman keras (arak) di dalam penerbitan berbahasa Melayu tidak dibenarkan kerana boleh menyentuh sensitiviti masyarakat
- 4.3.6 Iklan minuman keras (arak) di dalam penerbitan lain-lain bahasa tidak dibenarkan di muka surat hadapan atau belakang kerana boleh menyentuh sensitiviti masyarakat.
- 4.3.7 Iklan perkhidmatan telefon dalam media cetak (contohnya talian 600) yang menawarkan perkhidmatan perbualan melalui talian-talian telefon.
- 4.3.8 Iklan yang memuatkan teks ayat-ayat suci al-Quran dan hadith secara terus. Memadai dengan menyiarkan maksud atau terjemahan ayat atau hadith berserta nama surah, nombor petikan ayat dan nama perawi hadith.
- 4.3.9 Iklan yang menggunakan gambar masjid atau Kaabah untuk suatu produk atau perkhidmatan yang tidak berkaitan.
- 4.3.10 Iklan yang menyentuh sensitiviti keagamaan, mempersendakan kebudayaan atau pegangan hidup pelbagai kaum dan mengancam nilai-nilai murni serta norma kehidupan masyarakat Malaysia.
- 4.3.11 Sebarang bentuk iklan dari negara Israel.



- 4.3.12 Iklan rokok atau sebarang promosi produk yang menggunakan jenama rokok dan hasil tembakau (contohnya baju berjenama Dunhill). Begitu juga dengan rencana atau artikel yang jelas mempromosi rokok dan keistimewaan merokok. Gambar orang merokok dibenarkan sekiranya tidak memaparkan jenama rokok dengan jelas. Produk yang berkaitan dengan hasil tembakau dengan apa-apa yang berkaitan dengannya adalah tidak dibenarkan kecuali apa-apa pengiklanan yang menggunakan jenama tersebut.
- 4.3.13 Iklan ubat-ubatan melainkan dengan kebenaran Kementerian Kesihatan Malaysia (kelulusan ubat dan permit iklan) dan hendaklah mempamerkan dengan jelas kod rujukan kelulusan dan permit dari Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 4.3.14 Iklan perkhidmatan pinjaman wang yang tidak mempunyai lesen daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan permit pengiklanan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. Setiap iklan yang memenuhi syarat tersebut perlu meletakkan tempoh kuatkuasa lesen dan permit berkenaan.
- 4.3.15 Iklan aktiviti perbomohan yang keterlaluan dan menyimpang dari ajaran Islam serta menggunakan jampi atau mantra yang bercanggah dengan ajaran Islam. Iklan perkhidmatan urut dan bomoh hendaklah disertakan dengan nama, nombor kad pengenalan (individu), nombor daftar syarikat, alamat tempat perkhidmatan dan nombor telefon.
- 4.3.16 Iklan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) untuk muat turun (*Download*) gambar-gambar dan perkataan yang negatif dan boleh memudaratkan kepentingan masyarakat.
- 4.3.17 Sebarang iklan kedutaan asing mesti mendapat kebenaran dari Wisma Putra sebelum disiarkan dalam mana-mana penerbitan.
- 4.3.18 Iklan perkhidmatan membekal atau memperbaiki senjata api dan peluru dan aksesori yang berkaitan dengannya.
- 4.3.19 Iklan perkhidmatan teman sosial (contohnya *social escort*, GRO).
- 4.3.20 Iklan pakaian dalam dibenarkan dengan syarat ianya tidak keterlaluan dan pos model tidak mengghairahkan.
- 4.3.21 Iklan yang mengandungi maklumat atau keterangan palsu berkaitan dengan sesuatu perkara, produk atau perkhidmatan.

#### 4.4 Rakaman Suara atau Lirik

- 4.4.1 Tafsiran di bawah Seksyen 2 AMCP 1984 [Akta 301] ertinya “apa-apa bahan yang padanya direkodkan suara manusia atau muzik instrumental atau lain-lain bunyi dan termasuklah piring hitam, pita dan ceper laser.”
- 4.4.2 Rakaman Suara hendaklah **tidak** mengandungi perkara-perkara yang berikut :
- (a) Rakaman suara atau lirik berunsur lucah.
  - (b) Rakaman suara atau lirik yang berunsur hasutan kepada sesuatu pihak atau kaum dengan maksud jahat, menimbulkan perbalahan dan kekacauan dan seterusnya menimbulkan implikasi keselamatan kepada keamanan negara.
  - (c) Rakaman suara atau lirik yang menghina atau mempersendakan institusi raja dan negara, mana mana agama, kepercayaan serta budaya hidup pelbagai kaum.
  - (d) Rakaman suara atau lirik yang mengandungi unsur-unsur ajaran atau fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah.
  - (e) Rakaman suara atau lirik yang menggalakkan penggunaan dadah, seks bebas, perjudian haram dan pemujaan syaitan.
  - (f) Bunyian yang mengghairahkan dan merangsang nafsu pendengar seperti bunyi keluhan menggoda dan seumpamanya.

#### 4.5 Penerbitan oleh Parti Politik

- 4.5.1 Penerbitan oleh parti politik adalah tertakluk kepada syarat-syarat tambahan seperti berikut:
- i. Penerbitan hendaklah dihadkan edarannya kepada ahli-ahli **Parti sahaja**;
  - ii. Di muka surat hadapan penerbitan, hendaklah diletakkan **“UNTUK AHLI SAHAJA”**;
  - iii. Pengedaran dan pengeluaran **penerbitan hanya dibenarkan di Pejabat urusan dan markas Parti sahaja. Sebarang perubahan kepada senarai pengedar perlu dimaklumkan ke Kementerian.**

5.0 Selain daripada perkara-perkara yang disebutkan di atas, semua penerbitan hendaklah mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) seperti yang berikut:

**5.1 Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam;**

**5.2 Garis Panduan Khurafat dan Azimat;**

**5.3 Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam;**

**5.4 Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung Dengan Unsur-Unsur Yang Boleh Bercanggah dengan Akidah Dan Amalan Ahli Sunnah wal-Jamaah; dan**

**5.5 Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam.**

**5.6 Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan dan Pelupusan Bahan-bahan Penerbitan dan Perhiasan yang Mengandungi Ayat-ayat suci Al-Quran**

## **6.0 PENUTUP**

Adalah menjadi harapan Kementerian Dalam Negeri agar Garis Panduan Penerbitan ini dapat memberikan panduan kepada penerbit, pencetak, pengimport, pengedar dan penjual supaya tidak menghasilkan penerbitan yang negatif dan tidak diingini yang seterusnya boleh memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan Negara dan kemoralan serta kesejahteraan rakyat. Hasil penerbitan yang memberi informasi dan membina minda masyarakat serta menjadi alat kearah memperkukuhkan lagi perpaduan Negara dan kesejahteraan rakyat amatlah digalakkan kerana ia merupakan salah satu penyumbang utama ke arah sebuah negara maju serta masyarakat yang bermoral dan beretika.

Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran  
Kementerian Dalam Negeri  
Tarikh Kuatkuasa: 02 Februari 2017